

Atasi kegiatan seludup minyak masak

Masalah kekurangan bekalan minyak masak dalam pasaran masih gagal diatasi sehingga hari ini selepas pemberian subsidi dimansuhkan oleh kerajaan sejak 1 November lalu, kecuali untuk paket plastik satu kilogram.

Salah satu sebab kerajaan mengambil keputusan memansuhkan pemberian subsidi adalah untuk mencegah kegiatan penyeludupan minyak masak terus berleluasa.

Hari ini, pengguna terpaksa membeli dengan harga yang lebih mahal selepas ketiadaan subsidi. Malangnya, ketika rakyat jelata yang menanggung harga lebih mahal, rakyat di negara jiran kita sebaliknya menikmati minyak masak yang diberikan subsidi oleh Kerajaan Malaysia.

Dalam ruangan lidah pengarang, *Sin Chew Jit Poh* berharap kerajaan memandang serius kegiatan penyeludupan minyak masak ke sempadan Malaysia dengan memperbanyakkan jumlah anggota penguat kuasa.

"Sekiranya masalah penyeludupan ini gagal diatasi dengan segera, wang subsidi negara akan terus mengalir ke negara asing.



akhbar ini.

Mengikuti laporan, sejak tiga tahun kebelakangan ini, jumlah minyak masak yang berjaya diseludup ke luar negara telah mencecah sehingga 1.6 juta kilogram.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi turut mengesahkan, akibat penyeludupan secara berleluasa, kerajaan terpaksa menanggung kerugian RM540 juta setahun.

"Perangkaan ini jelas menunjukkan kegiatan penyeludupan minyak masak di negara kita begitu serius sejak dulu lagi. Apabila menyedari keadaan yang merugikan wang negara dan rakyat, kerajaan tidak boleh melengah-lengahkan lagi tindakannya mencegah dan membanteras kegiatan penyeludupan ini secara habis-habisan," tulis akhbar ini lagi.

Pemilihan Jack Ma keputusan tepat

Pelantikan Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Alibaba, Jack Ma

Sepatutnya subsidi yang disediakan kerajaan dinikmati oleh rakyat sendiri, bukan dikaut rakus warga asing," kata

Yun sebagai penasihat ekonomi digital kepada Kerajaan Malaysia dianggap sebagai keputusan tepat dan bijak.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Wee Ka Siong berkata, dengan sumbangan dan peranan yang bakal diberikan Jack Ma, sudah tentu beliau akan memberi faedah dan mampu mempertingkatkan lagi perkembangan e-dagang di Malaysia.

"Jack Ma mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam teknologi maklumat serta memiliki sebuah kumpulan syarikat gergasi di peringkat antarabangsa. Maka tidak hairanlah kenapa perdana menteri memilih beliau untuk membantu negara menuju ke dunia ekonomi digital ke tahap lebih tinggi," kata Ka Siong kepada *Sin Chew Jit Poh*.

Ka Siong yang juga Ahli Parlimen Ayer Hitam menegaskan, terdapat segelintir orang yang tidak melihat pemilihan-taikun Alibaba itu sebagai langkah yang mampu menguntungkan negara pada masa depan.

"Ketika projek pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan sedang dalam perancangan, ramai orang yang mempertikaikan keputusan kerajaan itu. Namun hari ini, sudah terbukti lebuhraya ini benar-benar membawa faedah kepada pengguna jalan," katanya.

7,000 penuntut Malaysia di China

Mengikuti perangkaan Pejabat Kedutaan Malaysia di China, jumlah penuntut Malaysia yang melanjutkan pelajaran di China menunjukkan peningkatan 150 peratus daripada 2005 hingga 2009.

Menurut Ketua Eksekutif Lembaga Pengelola Sekolah Cina Malaysia (Dongzong), Kong Wanying, pada 2005, jumlah penuntut Malaysia di China seramai 2,800 orang, namun ia telah meningkat seramai 4,200 kepada 7,000 orang pada 2009.

"Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, rakyat di seluruh dunia, termasuk negara kita telah menaruh minat untuk belajar bahasa Mandarin di China," kata Wanying seperti dipetik oleh *Oriental Daily*.

Menurutnya, pihaknya berharap dengan kualiti pembelajaran diberikan universiti dan kolej di China, ia mampu melahirkan lebih ramai penuntut berkualiti dan berilmu yang datang dari serata dunia.

"Negara kita masih kekurangan tenaga mahir dalam bidang teknologi tinggi. Oleh itu, kemasukan penuntut kita ke menara gading China, diharap dapat memberi sumbangan kepada negara selepas mereka menamatkan pengajian di sana," katanya.